

Sumbang mahram: Tukang kasut kena 12 tahun, empat sebatan

KUCHING: Seorang tukang kasut dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan dikenakan empat sebatan di Mahkamah Sesyen di sini semalam, selepas mengaku bersalah melakukan sumbang mahram terhadap anak saudara perempuannya yang berusia 13 tahun.

Hakim Saiful Bahari Adzmi memerintahkan hukuman penjara bagi tertuduh berusia 42 tahun itu untuk dikuatkuasakan dari tarikh tangkapan pada 30 Mei 2025, selain mengarahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama dua tahun setelah selesai menjalani hukuman.

Tertuduh juga

diperintahkan untuk menjalani sesi kaunseling pemulihan sepanjang menjalani hukuman, seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan tersebut semasa mangsa berusia 13 tahun tiga bulan, yang hubungan mereka tidak dibenarkan di bawah undang-undang dan hukum agama yang terpakai untuk lelaki itu berkahwin, dengan mangsa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di



KEPENJARA: Tertuduh (kiri) diiringi pegawai penjara keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuching, semalam setelah selesai dijatuhkan hukuman.

Petra Jaya pada 4 April 2025, sekitar jam 2 pagi.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 376B (1) Kanun Keseksaan

dan dibaca bersama Seksyen 16 (1) Akta SOACA 2017.

Sumbang mahram: Tukang kasut kena 12 tahun, empat sebatan

► Dari Muka 1

Bagi Seksyen 376B, hukumannya ialah penjara tidak kurang 10 tahun dan maksimum 30 tahun serta sebatan, manakala Seksyen 16 (1) memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dan tidak kurang dua sebatan, jika sabit kesalahan.

Susulan itu, mahkamah memerintahkan tertuduh dikenakan dua sebatan rotan mengikut Seksyen 376B (1) Kanun Keseksaan, dan tam-

bahan dua sebatan lagi di bawah Seksyen 16 SOACA 2017.

Fakta kes mendedahkan ibu mangsa, 39, dimaklumkan oleh mangsa iaitu anak perempuannya bahawa dia telah dirogol oleh bapa saudaranya (abang kandung pengadu).

Susulan itu, ibu mangsa buat laporan polis dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh pada 30 Mei 2025.

Untuk rekod, tertuduh pada Jun 2025 dijatuhi hukuman penjara lima ta-

hun dan dikenakan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas mengaku bersalah berulang kali menggunakan dadah berbahaya Amphetamine dan Methamphetamine, di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39C(1)(b) akta sama.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Umi Syukriah Harun sementara tertuduh tidak diwakili peguam.